

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera**MSM KEMBALI UNTUNG CATAT KEUNTUNGAN SEBELUM
CUKAI SEBANYAK RM53 JUTA BAGI S4TK2023**

40 peratus peningkatan hasil sebanyak RM950 juta bagi S4TK2023

KUALA LUMPUR, 22 FEBRUARI 2024 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis nasional jenama "Gula Prai", mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM53 juta bagi suku keempat (S4) tahun kewangan berakhir Disember 2023 (TK2023), berbanding kerugian sebelum cukai (LBT) yang dicatatkan pada suku yang sama tahun lepas (S4TK2022) sebanyak RM47 juta, disebabkan oleh margin yang lebih baik dan penggunaan kapasiti yang lebih tinggi, walaupun berdepan dengan kos pengeluaran yang lebih tinggi.

Kos pengeluaran meningkat sebanyak 17 peratus didorong oleh NY11 yang lebih tinggi (18 peratus), kos pengangkutan (18 peratus) dan tukaran wang asing (5 peratus). Hasil bagi S4TK2023 meningkat kepada RM950 juta, 40 peratus lebih tinggi berbanding RM678 juta bagi S4TK2022, disebabkan oleh Purata Harga Jualan (ASP) 27 peratus lebih tinggi dan jumlah jualan 11 peratus lebih tinggi, terutamanya disumbangkan sebanyak 48 peratus peningkatan dalam segmen Eksport.

Kumpulan merekodkan faktor penggunaan (UF) yang lebih tinggi sebanyak 52 peratus pada S4TK2023 berbanding S4TK2022 sebanyak 49 peratus dan sedikit peningkatan dalam hasil kecekapan kepada 95.3 peratus pada S4TK2023 berbanding 95.1 peratus pada S4TK2022.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Keuntungan MSM adalah hasil daripada prestasi operasi yang lebih kukuh memacu kecekapan kos seperti yang disasarkan. Sebagai tambahan kepada prestasi mampan MSM Prai, MSM Johor mencatatkan keuntungan bersejarah buat kali pertama pada S4TK2023, menandakan pencapaian penting sejak pengkomersialannya pada 1 April 2019. Kebolehpercayaan (*Reliability*) dan proses penambahbaikan yang dipertingkatkan akan menjadi fokus MSM Johor untuk 2024 dan kami optimis untuk masa depan MSM Johor dengan prestasi yang lebih kukuh dan jualan komersial yang lebih tinggi dengan program peningkatan."



Bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Disember 2023 (TK2023), MSM mencatatkan LBT yang lebih rendah sebanyak RM28 juta berbanding LBT sebanyak RM179 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas. Hasil untuk TK2023 meningkat kepada RM3.09 bilion, meningkat 20 peratus daripada RM2.57 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. Peningkatan hasil adalah disebabkan oleh ASP 19 peratus lebih tinggi dan jumlah jualan 4 peratus lebih tinggi. Termasuk dalam hasil adalah jualan Gula Super dan insentif industri yang diterima daripada Kerajaan. Kos pengeluaran pada tahun tersebut telah meningkat disebabkan oleh peningkatan NY11 sebanyak 14 peratus, kadar USD/MYR 5 peratus lebih tinggi dan kadar gas 15 peratus lebih tinggi.

“Industri Gula Tempatan sedang bekerjasama dengan Kerajaan untuk memuktamadkan mekanisme penetapan harga yang mampan untuk segmen runcit domestik dalam memastikan keterjaminan makanan dan kemampanan ekonomi industri gula tempatan. Bekalan kepada segmen borong dan runcit bagi pengguna terdiri daripada 40 peratus perniagaan MSM dan Industri Gula Tempatan telah meminta penyelesaian segera kejanggalan di dalam harga runcit gula yang kini merupakan harga terendah di rantau ini. Indonesia baru-baru ini meningkatkan harga runcit kepada kira-kira RM5.80/kg daripada RM4.50/kg disebabkan tekanan kos input dan harga runcit Filipina pula pada purata RM8.50/kg,” kata Syed Feizal.

“Kami akan terus mengembangkan pasaran domestik dan eksport kami di tengah-tengah permintaan yang lebih kukuh di China, Indonesia dan Vietnam dan meneroka peluang pasaran serantau lain termasuk kawasan ekonomi berkembang pesat seperti Afrika berikutan peningkatan defisit gula global. Perubahan iklim telah menyebabkan pengeluaran tanaman yang lemah dan pemulihan industri dalam pengeluaran untuk memenuhi permintaan akan mengambil masa. Pertumbuhan dalam segmen eksport adalah sejajar dengan inisiatif kami dalam mengoptimalkan lagi penggunaan kilang penapisan gula kami. Walau bagaimanapun, Kumpulan memantau dengan teliti risiko yang berkaitan dengan ketegangan geopolitik yang semakin meningkat yang mungkin menjejaskan harga kos input utama kami dan menghalang prestasi kewangan kami. Langkah-langkah yang sewajarnya telah diambil bagi mengurangkan risiko tersebut,” tambah Syed Feizal.

MSM juga mengakhiri tahun 2023 dengan baik apabila disenaraikan pada Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) dan FTSE4GOOD Bursa Malaysia Syariah (F4GBMS) buat kali pertama, setelah meningkatkan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang diiktiraf oleh ambang penarafan Russel FTSE UK.



“MSM amat menekankan Kemampanan sebagai teras kepada amalan perniagaan dan hasil prestasinya untuk kebaikan masyarakat secara keseluruhannya,” kata Syed Feizal.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula negara terkemuka dan antara 10 penapisan terbaik dunia yang mengeksport ke 17 negara sehingga kini, menyediakan produk gula bertapis berkualiti tinggi untuk memastikan keterjaminan makanan Malaysia. Pertumbuhan MSM mempunyai Kelestarian melalui rangka kerja ESG yang dipertingkatkan yang tertanam sepenuhnya dalam perniagaan dan operasi. MSM telah mencapai ekonomi kitaran dalam pengurusan sisa kepada inisiatif hijau (*waste to green*) dan secara aktif mengurangkan jejak karbonnya sebagai syarikat korporat ke-10 di Malaysia yang komited kepada Inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) dan Net Zero di bawah Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN Global Compact).

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2022, MSM mengeluarkan sebanyak 946,834 tan gula bertapis, di mana 230,903 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM598 juta setakat 30 Disember 2022. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+603 2181 5018 ext. 154
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com